



# UniMAP 2025 : PERANCANGAN LAPAN TAHUN KE ARAH RUANG PERTUMBUHAN BERSAMA

Dari meja NAIB CANSOLOR  
**YBHG. DATO' PROFESOR  
DR. ZUL AZHAR ZAHID JAMAL**



Oleh : Nurul Aida Othman

### Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Menyayangi

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Aza Wajalla kerana dengan limpah izinNya pada tahun 2017, sebanyak 84.6 peratus siswazah Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telahpun mendapat pekerjaan semasa bergraduasi dan 93.9 peratus lagi dalam tempoh enam bulan selepas bergraduasi. Sebagai Naib Canselor, saya berbangga kerana peratusan ini menunjukkan sumbangan UniMAP terhadap ekonomi Negara

Selain itu, ia juga turut menunjukkan jumlah bakat yang telah dihasilkan oleh UniMAP. Walaubagaimanapun, perkembangan global seperti industri 4.0 memerlukan kita untuk melihat semula strategi universiti tanpa berkompromi dengan bidang kepakaran universiti sendiri selain tidak bercanggah dengan aspirasi kecemerlangan UniMAP. Oleh itu, pada April 2018, kita telah melancarkan UniMAP 2025 iaitu pelan strategik universiti bagi tempoh lapan tahun dari 2018 hingga 2025. Walaupun dengan adanya pelan tersebut, kita tetap perlu memastikan ia adalah selari dengan agenda nasional negara iaitu Pelan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015 – 2025 - bukan sahaja sama dari aspek visi dan aspirasi tetapi juga dengan mengambil kira jangka masa pelaksanaannya agar selari dengan tarikh akhir UniMAP 2025.

Struktur UniMAP 2025 adalah berdasarkan tiga matlamat strategik dan empat pembolehubah berdasarkan konsep asas

perkongsian dan berkait dengan dengan Revolusi Industri 4.0. Tiga matlamat strategik adalah Pengajaran Peneraju Inovasi; Penyelidikan Translasiional; Graduan Sedia – Industri. Manakala empat pembolehubah adalah Penciptaan Kekayaan; Kecemerlangan Bakat; Peningkatan Infrastruktur; dan Pengukuhan Infostruktur. Gabungan matlamat strategik dan pembolehubah ini membantu kita untuk mengemudi fokus kita sehingga tahun 2025 di mana perancangan kita akan dipecahkan lagi kepada tiga fasa terkawal. Terdapat 25 objektif strategik di mana pencapaian itu akan diukur berdasarkan petunjuk prestasi yang relevan dan sasaran yang ditetapkan untuk setiap pelaksanaan bagi tiga fasa tersebut.

Apabila kita meneruskan pelan ini dan bergerak bagi mencapai sasaran tersebut, kita sebenarnya cuba memupuk UniMAP bagi pengembangan beberapa ciri utama yang akan menjadi benih kemampunan. Dengan perkataan lain, fokus bukan sahaja kepada pengeluaran dan hasil tetapi juga terhadap proses yang dijalankan. Ciri-ciri ini adalah berkait dengan perkembangan UniMAP sebagai rakan kongsi kepada pemegang taruh adalah untuk dikenali, keusahawanan, fokus kepada teknologi, dan inovatif, proses dan menghasilkan bakat yang terkenal, menyediakan khidmat yang berkualiti, mewujudkan kesinambungan dalam semua yang kita lakukan, di mana kehadirannya akan memberi kesan kepada komuniti di sekitarnya.



MYUniMAP  
Edisi XXXVI  
DMNC

Kita sememangnya menghayati konsep quadruple helix di mana sebagai pusat pendidikan, sesebuah universiti itu akan mewakili ahli akademik untuk bergerak maju bersama-sama komuniti, industri, dan kerajaan. Saya sangat yakin selagi kita mempunyai hubungan akrab bersama rakan kongsi serta mempunyai hubungan kerja simbiotik bersama mereka, kita mampu menyelesaikan cabaran dan permasalahan yang dihadapi dalam global dynamism seperti yang sedang kita hadapi sekarang ini. Dapat saya simpulkan bahawa UniMAP 2025 akan menjadi ruang untuk pertumbuhan bersama kepada semua pihak iaitu kakitangan, pelajar, ahli akademik, komuniti, industri dan juga Negara.

Saya amat sedar bahawa apabila kita bergerak seiring UniMAP 2025, kita juga perlu meneroka polisi-polisi baharu, menambahkan cara kerja kita, dan membuka kunci mekanisme yang menjadi penghalang kepada perkembangan UniMAP 2025. Saya sangat terbuka mengenai semua kemungkinan ini, kerana saya merasakan bahawa jurang yang ada ini perlu dikenalpasti bagi memastikan kita bergerak maju ke hadapan. Saya yakin dengan perancangan ini di mana kita bukan sahaja akan melahirkan graduan yang memenuhi kehendak relovusi industri 4.0 tetapi kita juga akan 'memperkembangkan' pemikiran dan pandangan mereka mengenai perkhidmatan dan juga penyediaan pendidikan tinggi. Sebagai sebuah institusi pendidikan, itu adalah nilai tambah yang terbaik untuk kita.

Kita telah memastikan mekanisme yang betul itu berada dilandasannya. Malah kita juga telah mengeluarkan pelan kepada warga universiti, mencorak inisiatif dan pelan tindakan yang sewajarnya. Kita juga mempunyai mereka yang benar-benar layak untuk setiap tugas yang menanti. Malah laporan suku tahun dan platform ulasan akan menjadi sumber maklumat perkembangan kita dan membantu kita dalam pelan masa hadapan. Selebihnya, saya serahkan kepada Allah Aza Wajalla.

